

Kekalkan Kerajaan BN — Mahathir

22 DEC 1993

BUTTERWORTH 21 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru penduduk Pulau Pinang supaya mengekalkan pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah berjaya membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negeri itu.

Katanya, apa guna memilih parti lawan yang meraba-raba mencari isu dan selalunya memainkan sentimen perkauman tetapi akhirnya boleh membawa pertikaian di dalam negeri.

"Kita merayu supaya mereka (penduduk Pulau Pinang) sedar akan kebaikan cara pemerintahan BN dan minta mereka beri sokongan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kilang Otis di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah dekat sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau melihat sambutan mesra penduduk negeri ini terhadap

lawatannya tetapi ia tidak boleh disimpulkan bahawa penduduk negeri ini sudah bertukar fikiran dan menyokong Kerajaan BN.

Bagaimanapun, beliau dapat merasakan perubahan terhadap sambutan penduduk Pulau Pinang antara dahulu dan sekarang.

Melambai

"Dulu apabila kita sampai di Pulau Pinang, kita rasa seolah-olah kita tidak dialu-alukan dan tidak diterima tetapi kali ini di mana-mana juga saya pergi orang keluar untuk melambai dan mereka semua senyum dan mesra.

"Ini mencerminkan perasaan yang sudah bertukar di kalangan mereka terhadap Kerajaan BN dan dasar-dasar kita," tambah beliau.

Ditanya mengapa agaknya ada perubahan itu, Dr. Mahathir berkata, beliau berpendapat ia mu-

ngkin disebabkan negara menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan makmur pula terutamanya Pulau Pinang.

"Saya syak ramai di antara mereka kini sedang buat duit dalam pasaran saham," kata Dr. Mahathir disambut ketawa para hadirin sebelum beliau menambah kata, penduduk berasa selesa dengan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, Pulau Pinang juga nampaknya sudah maju lebih daripada dahulu walaupun pulau itu merupakan negeri yang termaju.

"Saya berbangga dengan kejayaan Pulau Pinang dan berharap dasar-dasar Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat dilaksanakan," kata beliau.

Malah, katanya, adalah tidak menghairankan kemungkinan rakyat Pulau Pinang mencapai Wawasan 2020 lebih cepat jika mereka mengambil langkah bijak terus memilih Kerajaan BN.